

**DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
DAERAH BESUT  
DI NEGERI TERENGGANU**

**DALAM PERKARA TUDUHAN DI BAWAH  
SEKSYEN 29 ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (TAKZIR)  
(TERENGGANU) 2001**

**NO. KES: 11001-114-0023-2011**

**ANTARA**

**PENDAKWA SYARIE  
TERENGGANU**

**- PENDAKWA**

**DENGAN**

**YYYY  
KPT: 123456**

**- ORANG KENA TUDUH**

**DI HADAPAN TUAN HAKIM  
MOHD NAZRI BIN YUSOF  
HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH BESUT**

**PADA HARI SELASA 10HB MEI 2011  
BERSAMAAN 6 JAMADIL AKHIR 1432H**

Di dalam Dewan Bicara, kes jenayah ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Besut, Terengganu.

Kehadiran:

Mohd Nazri Bin Yusof – HAKIM  
Nik Shahril Irwan – Pendakwa Syarie  
Mohd Amran Bin Rodi – Pembantu Hakim  
Muhamed Samiun Bin Hadi – OKT

t.t.  
(MOHD NAZRI BIN YUSOF)  
10/5/2011

Pertuduhan di bawah Seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.

*“Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”.*

### **Nota Keterangan Kes.**

Pada 10.5.2011 OKT hadir ke Mahkamah. Pendakwa Syarie memperkenalkan dirinya dan pohon daripada Mahkamah supaya pertuduhan di bawah Seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001 dibacakan terhadap OKT.

Mahkamah memberi kebenaran supaya pertuduhan di bawah Seksyen 29 dibacakan terhadap OKT. Pertuduhan dibaca oleh Pembantu Hakim.

*“Bahawa kamu pada tarikh 28.1.2011 jam lebih kurang 4.35 petang bertempat di dalam kereta Perodua Viva sedang parking di kawasan Pantai Benting Lintang, Besut, Terengganu telah didapati melakukan satu perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah dengan seorang perempuan yang bernama XXXX, kp: 123456 yang bukannya isteri kamu. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu)2001 dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama”.*

Setelah selesai pertuduhan dibaca, Pembantu Hakim bertanya kepada OKT beberapa soalan, iaitu:

Adakah kamu (OKT) dengar dan faham pertuduhan yang dibacakan terhadap kamu ? Jawapan OKT: Saya dengar dan faham.

Setelah kamu dengar dan faham pertuduhan, adakah kamu mahu mengaku bersalah atau mahu lawan bicara ? Jawapan OKT: Saya mengaku salah.

Sekiranya kamu mengaku bersalah, Mahkamah boleh menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM3,000.00 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya sekali, adakah kamu faham ? Jawapan OKT: Ya, saya faham.

Adakah kamu masih mahu mengaku bersalah atau mahu lawan bicara ? Jawapan OKT: Ya, saya masih mahu mengaku bersalah.

Mahkamah ( Hakim) mengesahkan sekali lagi pengakuan bersalah OKT dengan mengulangi soalan-soalan yang sama terhadap OKT. OKT maklum bahawa dia dengar dan faham pertuduhan ke atasnya, mengaku bersalah di atas pertuduhan, faham akibat pengakuan salah, masih

mengekalkan pengakuan salah dan dia tidak dipaksa oleh mana-mana pihak untuk mengaku salah.

Mahkamah berpuashati di atas pengakuan bersalah OKT.

t.t.  
(MOHD NAZRI BIN YUSOF)  
10/5/2011

Pendakwa pohon supaya fakta kes OKT ditandakan dengan 'P-1' dan dibentangkan di Mahkamah. Mahkamah memberi kebenaran kepada Pendakwa untuk membentangkan fakta kes sebagaimana berikut:-

**PENGADU : Rizuwan Bin Fauzai**  
**Pegawai Penguatkuasa Syariah**  
**Daerah Besut**

*Bertindak di atas maklumat yang diterima, pengadu bersama beberapa orang rakan setugas telah membuat satu tinjauan dan rondaan pada 28.1..2011 di sekitar kawasan Pantai Benting Lintang, Besut, Terengganu. Kawasan tersebut adalah jauh dari pandangan orang ramai dan berdekatan dengan hutan. Jam lebih kurang 4.35 petang, ketika tinjauan dibuat pengadu bersama yang lain telah mendapati ada sebuah kereta Perodua Viva berwarna putih no. pendaftaran DBQ 2399 yang di parking di kawasan tersebut dalam keadaan yang mencurigakan. Kereta tersebut menghadap ke arah laut. Pengadu dan anggota yang lain menghampiri kereta tersebut dan disyaki terdapat pasangan lelaki dan perempuan sedang duduk di bahagian belakang dalam kereta tersebut. Pengadu bertindak mengetuk pintu dan membuka pintu sebelah kiri manakala rakan yang lain ke sebelah kanan pintu. Setelah pintu dibuka, pengadu mendapati ada seorang lelaki dan seorang perempuan sedang berada di kusen penumpang belakang, dengan keadaan lelaki baru bangun dari badan perempuan. Lelaki memakai baju T-Shirt dan berseluar jeans manakala perempuan berbaju T-Shirt dan berseluar jeans tanpa memakai tudung. Kelihatan baju perempuan terangkat sedikit dan seluar terlondeh sedikit, dan ternampak zip seluar perempuan tersebut terbuka sedikit. Pengadu memperkenalkan diri dan menunjukkan kad kuasa. Hasil soal siasat mendapati mereka berdua bukan suami isteri. Di dalam kejadian tersebut ada dibuat barang rampasan iaitu:*

- |                                       |   |                     |
|---------------------------------------|---|---------------------|
| 1. Sehelai seluar jeans berwarna biru | - | Milik YDS perempuan |
| 2. Tali Pinggang                      | - | Milik YDS perempuan |

*Keterangan diri mereka sebagaimana berikut:-*

**Nama lelaki: YYYY**  
**Kpt: 123456**  
**Umur: 20 tahun**  
**Alamat: ABCD**  
**Pekerjaan: Tiada**  
**Status: Belum berkahwin**

**Nama Perempuan: XXXX**  
**Kpt: 123456**  
**Umur: 18 tahun**  
**Alamat: ABCD**  
**Pekerjaan: Jurujual**  
**Status: Belum berkahwin**

Mahkamah (Hakim) bertanyakan OKT samada dia dengar, faham dan setuju atau tidak dengan fakta kes yang telah dibentangkan oleh Pendakwa. OKT maklum bahawa dia dengar, faham dan bersetuju dengan semua fakta kes yang telah dibentangkan oleh Pendakwa.

Setelah mendengar pengakuan bersalah OKT dan persetujuan OKT dengan fakta kes, maka Mahkamah sabit OKT bersalah dibawah Seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001.

t.t.  
(MOHD NAZRI BIN YUSOF)  
10/5/208

Sebelum Mahkamah menjatuhkan apa-apa hukuman ke atas OKT, Mahkamah memberi peluang kepada OKT untuk mengemukakan apa-apa rayuan peringanan hukuman kepada Mahkamah.

OKT telah membuat rayuan seperti berikut:-

1. Pohon diringankan denda
2. Mempunyai pendapatan yang rendah, bekerja sebagai buruh kontrak
3. Menanggung seorang ayah yang sedang sakit
4. Saya sudah insaf

Pendakwa kemudiannya membentangkan faktor-faktor pemberatan kes OKT sepertimana berikut:-

Pendakwa pohon kepada Mahkamah supaya menjatuhkan hukuman yang serius kepada OKT di atas fakta yang telah diakui benar yang mana kesalahan tersebut merupakan kesalahan yang jelas salah disisi hukum syarak. Kesalahan yang dilakukan juga boleh menjerumuskan OKT kepada perbuatan yang lebih dahsyat seperti zina, dan sekiranya mengandung di luar nikah akan membawa aib kepada masyarakat yang mana bayi yang tidak berdosa dibuang di dalam tong sampah, di tepi longkang sepertimana yang dilaporkan di akhbar-akhbar kerana hanya mereka ini mengikut hawa nafsu mereka. Pendakwa juga maklum bahawa walaupun OKT ada memberitahu bahawa beliau telah insaf tetapi OKT tidak menunjukkan tanda- tanda keinsafan kepada mahkamah pada hari ini, malahan rayuan untuk meringankan hukuman yg dibuat oleh OKT hanyalah dibuat dalam keadaan yang bersahaja sahaja. Oleh itu berdasarkan kepada faktor-faktor pemberatan tersebut, pendakwa pohon supaya satu hukuman yang serius dan boleh memberi kesan kepada OKT dijatuhkan.

t.t.  
(MOHD NAZRI BIN YUSOF)  
10/5/2011

**Keputusan:**

**Saya sabit kamu YYYY (Kpt;123456) bersalah di bawah Seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001 dan saya hukum kamu dengan hukuman denda sebanyak RM2,700.00 atau 1 bulan penjara sekiranya gagal membayar denda dan hukuman berkuatkuasa serta merta.**

t.t  
(MOHD NAZRI BIN YUSOF)  
10/5/2011

**DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN** saya dan Meterai Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu, Terengganu pada hari ini 17.3.2008 bersamaan 9 RabiulAwal, 1429 Hijrah.

**METERAI**

**HAKIM**

**DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
DAERAH BESUT  
DI NEGERI TERENGGANU**

**DALAM PERKARA TUDUHAN DI BAWAH  
SEKSYEN 29 ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (TAKZIR)  
(TERENGGANU) 2001**

**NO. KES: 11001-114-0023-2011**

**ANTARA**

**PENDAKWA SYARIE  
TERENGGANU**

**- PENDAKWA**

**DENGAN**

**YYYY  
KPT: 123456**

**- ORANG KENA TUDUH**

**DI HADAPAN TUAN HAKIM  
MOHD NAZRI BIN YUSOF  
HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH BESUT**

**PADA HARI SELASA 10HB MEI 2011  
BERSAMAAN 6 JAMADIL AKHIR 1432H**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

Di dalam agama Islam perbuatan zina dianggap sebagai satu perkara yang boleh menggugat dan merosakkan kehidupan dan kesejahteraan masyarakat secara amnya dan kepada institusi kekeluargaan secara khususnya. Dengan membenarkan atau membebaskan orang-orang melakukan zina itu boleh menyebarkan kejahatan dan keburukan di kalangan masyarakat. Sekiranya ia tidak dicegah, institusi kekeluargaan akan hancur dan akhirnya akan membawa kepada kehancuran masyarakat dan Negara. Inilah yang mahu dicegah oleh agama Islam sebagai agama rahmat dan penyelamat sejagat.

Pengharaman perbuatan khalwat misalnya adalah kerana ia amat jelas boleh membawa kepada bibit perzinaan di mana Baginda Rasulullah S.A.W ada bersabda apabila wanita dan lelaki yang

bukan muhrim berdua-duaan, maka ia akan disertai oleh orang ketiga iaitu syaitan laknatullah yang mana perbuatan tersebut seolah-olah member laluan percuma kepada syaitan untuk menghasut dan membisikkan kepada mereka supaya melakukan perbuatan yang lebih terkutuk iaitu perbuatan zina yang dikeji dan diharamkan oleh Islam. Begitu juga dengan Firman Allah di dalam Surah Al-Isra':32 yang jelas mengharamkan perbuatan menghampiri zina.

و لا تقر بوا الزنى انه كان فحشة وساء سبيلا

### سورة الاسراء:32

Tafsirnya: *“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kepada kerosakan).”*

Memahami hasrat yang dimaksudkan dalam Firman Allah dan hadis inilah telah digubal peruntukan Seksyen 29, 31 dan 34 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001, iaitu kesalahan dan hukuman mengenai perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah,khalwat dan perbuatan tidak sopan di tempat awam.

Pada hari ini, pertuduhan yang di bawa ke Mahkamah ialah di bawah Seksyen 29 EKJST Terengganu 2001 iaitu perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah di mana menurut Seksyen ini:

*“Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”*

Mahkamah pada hari ini juga berpendapat bahawa ia mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes di bawah Seksyen 29 EKJST Terengganu 2001 sepertimana yang termaktub di dalam Seksyen 12 (2)(a) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

*“12(2)(a) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis itu tidak melebihi tiga ribu ringgit, atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun aau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu”*

Di dalam Al-Quran dan Hadis banyak dinyatakan tentang keburukan tentang zina kerana apabila zina telah berleluasa, maka kebajikan yang dibuat akan hancur azab siksa Allah akan mendekati kita, sebagaimana hadis-hadis menjelaskan yang demikian itu;

عن ميمونة رضى الله عنها قالت : سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول : لأ نزال أمتى بخير ما لم يفش فيهم ولد الزنا , فإذا فشا فيهم ولد الزنا فيوشك أن يعمهم الله عز وجل بعقاب

رواه أحمد : واسناده حسن

Maksudnya : *Daripada Maimunah Radhiallahu Anha beliau berkata : “Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : “Umatku (ini) akan terus berada dalam kebaikan selama tidak tersebar luas anak zina di kalangan mereka. Apabila anak zina tersebar luas di kalangan mereka, maka hampir sahaja Allah ‘azza wajalla akan menurunkan azab siksa kepada mereka seluruhnya,”*

( Hadis riwayat Ahmad; baik sanadnya )

Tersebut dalam ‘*kitab al-Qadha*’ hadis Ibnu Umar berbunyi:

وإذا ظهر الزنا ظهر الفقر والمسكنة

رواه البيهقي

Maksudnya: “Apabila nyata (zahir) perzinaan maka zahir pula kefakiran dan kemiskinan.”

( Hadis riwayat al-Bazzar )

Dasar perundangan Islam melihat, bahawa pertemuan pada faraj di antara dua orang yang halal nikah kecuali suami isteri adalah zina hukumnya haram. Maka demikian pula bersentuhan pada yang lain dari faraj di antara keduanya dihukumkan maksiat serta berdosa. Dasar ini disebut oleh Allah dalam al-Qur’an, firmanNya:

والذين هم لفروجهم حافظون . الا على أزواجهم أو ما ملكت أيمنهم فانهم غير ملومين . فمن ابتغى وراء ذلك فأولئك هم العادون .

سورة المؤمنون : 5-7

Tafsirnya : “ *Dan mereka yang menjaga kehormatannya (yang menjaga nafsu syahwatnya daripada perbuatan zina), kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela. Kemudian, sesiapa yang mengingini selain daripada yang demikian, (sesiapa yang mengadakan hubungan dengan yang bukan isterinya atau hambanya) maka merekalah orang-orang yang melampaui batas.”*

( Suah al-Mu’minun: 5-7 )

Undang-undang Islam juga mengharamkan khalwat dengan perempuan bukan mahram. Ini dijelaskan dalam hadis Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam:

ومن كان يؤمن بالله واليوم الآخر فلا يخلون بامرأة ليس معها ذ و محرم منها فان ثالثهما الشيطان

رواه أحمد

Maksudnya: “Dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari kiamat, maka jangan sekali-kali dia berkhalwat dengan perempuan yang tidak ada bersamanya mahramnya, (kerana) sesungguhnya syaitan adalah orang ketiga bersama kedua mereka itu.”

( Hadis riwayat Ahmad )

Apabila berkhalwat diharamkan, maka bersentuhan lebih-lebih lagi ianya maksiat dan haram. Di antara beberapa kaedah pokok dalam peundangan Islam, terdapat satu kaedah yang menyatakan:

ما أدى الى الحرام فهو حرام

Ertinya: “ Apa yang membawa kepada haram itu, hukumnya adalah haram.” Jika perbuatan seseorang itu belum sampai kepada tahap zina yang membawa hukuman *hadd*, maka ia dikenakan ta’zir, samada perbuatan itu belum mencukupi syarat – syarat seperti memegang kemaluan, memegang buah dada, memasukkan zakar di celah - celah paha ataupun hanya berkhalwat, berpeluk – peluk, bercium – ciuman dan lain – lain seumpamanya. Semua itu adalah haram dan dikenakan ta’zir. Ia tidak syak lagi merupakan pendahuluan zina, maksiat dan dosa besar.

Dasar pengharaman ini antara lain, firman Allah Ta’ala:

ولا تقربوا الزنى انه, كان فحشة وساء سبيلا

سورة الاسراء:32

Tafsirnya: “ Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kepada kerosakan).”

( Surah al-Isra’:32 )

Perempuan dan lelaki yang melakukan pendahuluan/ percubaan zina padahal mereka itu bukan suami isteri, adalah pada segi syara’ ianya tiada terlepas daripada maksiat dan dosa, suatu perbuatan mendekati zina itu hukumnya haram serta dikenakan ta’zir.

Hukum Allah itu berasaskan al-Qur’an atau hadis atau ijma’ atau apa juga kaedah usul yang disepakati oleh ulama mengenai dengan sesuatu kesalahan itu. Yang halal dan haram itu sudah jelas dan nyata. Hukum zina adalah jelas daripada al-Quran, hadis dan juga ulama telahpun sepakat mengenai pengharamannya. Bahkan sehingga tidak ada satu agama pun yang menghalalkannya.

Saya berpendapat bahawa pertuduhan di bawah seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001 yang dibawa oleh pendakwa terhadap OKT adalah merupakan satu dakwaan kesalahan yang serius kerana OKT didakwa untuk kesalahan persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah atau secara mudahnya, OKT didakwa untuk persediaan melakukan zina. Ini merupakan satu kesalahan yang cukup serius didalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001. Tambahan pula, OKT sendiri, mengaku salah di atas pertuduhan tersebut dan bersetuju dengan fakta kes yang telah dibentangkan oleh pihak pendakwa.

Di dalam kes ini, berdasarkan fakta kes yang telah diakui benar oleh pihak OKT, terdapat fakta-fakta yang menjadi sebab mengapa OKT boleh di jatuhi dengan hukuman yang serius. Diantaranya:-

1. Tempat kejadian dimana OKT ditangkap dengan pasangannya iaitu di sekitar kawasan Pantai Benting Lintang, Besut yang jauh dari pandangan orang ramai dan berdekatan dengan hutan dengan jelas menggambarkan rancangan dan niat OKT untuk melakukan perbuatan yang tidak baik.
2. Semasa ditangkap waktu lebih kurang pada pukul 4.35 petang iaitu satu masa yang masih lagi terang, yang mana dalam keadaan sebegitu pun Okt dan pasangannya masih sebegitu berani untuk melakukan perbuatan yang tidak baik.
3. Semasa ditangkap OKT hanya ada berdua dengan pasangannya dan mereka bebas untuk melakukan sebarang perbuatan.
4. Aksi semasa ditangkap, di mana pengadu dapati Okt dan pasangannya sedang berada di kusyen belakang kereta di mana keadaan lelaki baru bangun dari badan perempuan. Baju perempuan terangkat sedikit dan seluar terlondeh sedikit dan ternampak zip seluar perempuan tersebut terbuka sedikit.

Selain daripada itu, semasa diberi peluang oleh mahkamah kepada Okt untuk membuat rayuan di atas hukuman yang akan dijatuhkan oleh mahkamah, Okt hanya membuat rayuan dalam keadaan bersahaja sahaja tanpa menunjukkan rasa insaf dengan perbuatannya. Apabila ditanya oleh mahkamah adakah beliau mempunyai rancangan hendak berkahwin dengan pasangannya, beliau menjawab tidak tahu samada mempunyai rancangan hendak berkahwin dengan pasangannya itu tadi . Jadi apakah tujuan dan maksud perlakuan OKT dengan pasangannya itu, adakah bertujuan untuk menjalinkan satu hubungan yang serius atau hanya untuk sekadar suka – suka untuk melepasi hawa nafsu semata-mata? Bagi saya, perkara ini adalah jelas bahawa perlakuan OKT dengan pasangannya adalah satu perlakuan yang disengajakan untuk kepuasan nafsu semata – mata dan tidak lebih daripada itu.

Inilah perkara yang sedang berlaku didalam masyarakat kita pada hari ni. Mereka bertindak dalam melakukan sesuatu perbuatan yang tidak baik, tanpa ada rasa takut atau malu kepada masyarakat dan lebih – lebih lagi kepada Allah Ta'ala. Sebagai seorang yang mengaku dirinya

beragama Islam, mereka sepatutnya tahu meletakkan diri mereka dimana dan takut kepada azab Allah di hari Akhirat kelak.

Walaupun OKT dalam rayuan meringankan hukumannya menyatakan bahawa beliau telah insaf, tetapi saya tidak nampak bahawa OKT telah insaf di atas kesalahan yang telah dilakukannya berdasarkan perwatakan dan penampilan OKT. Adakah mereka ini fikir bahawa mereka tidak akan mati pada satu hari nanti, dan akan dipersoalkan oleh ALLAH TAALA dengan apa yang telah mereka lakukan didunia ini?. Sebab itu Rasullalah pernah menegur sahabatnya yang banyak ketawa, di mana beliau bersabda sekiranya kamu tahu dengan apa yang aku tahu, nescaya kamu akan banyak menangis daripada ketawa.

Pada hari ini, di zaman yang moden dan serba canggih ini, tidak ada orang yang kisah tentang keadaan disekeliling mereka, pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan adalah satu perkara biasa, kelahiran anak diluar nikah adalah satu perkara yang biasa, perempuan-perempuan yang memakai pakaian yang mendedahkan aurat adalah satu perkara yang biasa dan lumrah sahaja di dalam masyarakat sekarang. Tidak ada orang yang hendak menegurnya atau berani menegurnya. Masing- masing sibuk dengan urusan masing- masing. Saya yang berada di sini hanya menjalankan amanah yang telah diberikan kepada saya, kerana dibimbangi kelak nanti BALA' Allah akan menimpa kita semua. Yang bersalah tetap bersalah, dan yang bersalah akan tetap dihukum. Hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah pada hari ini, bukan sahaja menghukum kesalahan OKT tetapi juga sebagai satu peringatan kepada masyarakat secara keseluruhannya.

Oleh itu, setelah saya berpuashati di atas pengakuan salah OKT, persetujuan OKT tentang fakta kes yang telah dibentangkan oleh pihak pendakwa, peluang yang diberikan oleh saya untuk OKT merayu bagi meringankan hukuman dan faktor – faktor pemberatan yang dibentangkan oleh pihak pendakwa, maka saya sabit OKT Muhamed Samiun Bin Hadi (Kpt:910612-11-5291) bersalah di bawah seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001, dan saya hukum kamu dengan denda sebanyak RM 2,700.00 atau 1 bulan penjara sekiranya gagal membayar denda dan hukuman berkuatkuasa serta merta.

**DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN** saya dan Meterai Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu, Terengganu pada hari ini 10.5.2011 bersamaan 6 JamadilAkhir, 1432 Hijrah.

**HAKIM**